

KENYATAAN MEDIA • 20 JUN 2021

Malaysia Memerlukan Pelan Pemulihan Negara yang Lebih Strategik

Gabungan Kesihatan Malaysia mengalu-alukan pengumuman Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan menyokong semua saranan Kumpulan Penasihat Kesihatan dan Saintifik COVID-19 ("*Employ Precision Public Health for Safe Exit and Consequent Election Planning*" yang diterbitkan pada 18 Jun 2021). Matlamat yang terperinci dan pelan yang strategik diperlukan untuk melaksanakan Pelan Pemulihan Negara.

Tambahan pula, kami mencadangkan:

1. **Umumkan data serta KPI yang lebih terperinci untuk menangani wabak ini**
Kriteria yang sedia ada (iaitu jumlah kes baru, penggunaan katil ICU dan kadar vaksinasi) tidak cukup untuk menggambarkan wabak Covid-19 yang amat kompleks. Ketiga-tiga kriteria ini merupakan "alat tumpul", dan sebenarnya bergantung kepada faktor lain seperti jumlah ujian Covid-19 dan juga bekalan vaksin. Wabak yang kompleks ini memerlukan KPI yang cukup terperinci untuk mengukur prestasi dan kejayaan kerajaan Malaysia. KPI yang ditentukan harus telus dan bebas daripada pengaruh luar. Kaedah pengiraan juga perlu tetap dan malar sepanjang masa. KPI tambahan untuk Pelan Pemulihan Negara perlu merangkumi data yang lebih tersasar kepada keadaan semasa, dan meliputi pelbagai metrik untuk mendapatkan gambaran yang lengkap. Contoh metrik yang sesuai digunakan termasuk jumlah kes aktif mingguan ; peratusan ujian positif daripada jumlah ujian yang dilakukan (sasaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah <5%), kadar kes kematian; bilangan petugas kesihatan yang terjejas; dan peratusan pengesanan kontak yang berjaya dalam 24 jam dari kes positif.
2. **Umumkan keputusan berdasarkan data**
Segala keputusan kerajaan tidak sepatutnya mempunyai layanan antara dua darjat atau dipengaruhi oleh kumpulan pelobi yang menyebabkan keputusan yang selalu berubah. Keputusan kerajaan seharusnya telus dan boleh diramal oleh rakyat Malaysia untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Walaupun kerajaan telah memaklumkan bahawa keputusan akan dibuat secara berperingkat dan bergantung kepada statistik semasa, kami mencadangkan supaya jadual panduan diwujudkan supaya keputusan dibuat secara berkala. Kami juga mencadangkan pertukaran sistem PKPx sedia ada yang mengelirukan, kepada satu sistem yang lebih mudah difahami oleh semua rakyat Malaysia, seperti sistem lampu isyarat ("*traffic light systems*") yang dilaksanakan oleh [Kesatuan Eropah](#), [Peru](#) atau [Singapura](#).
3. **Kongsikan data dengan telus**
Kami menyeru supaya kerajaan telus dan menambah baik kaedah perkongsian data untuk mencapai pengurusan secara efektif dan dinamik semasa pandemik. Ketelusan data akan meningkatkan keyakinan awam, membolehkan tinjauan luaran dan kajisemula oleh pakar kesihatan, dan memupuk kerjasama awam dan swasta. Pemaparan data yang dihasilkan setiap hari seharusnya mudah dibaca oleh seluruh rakyat Malaysia. Perkongsian data akan membenarkan pihak berkuasa di peringkat negeri untuk melancarkan strategi masing-masing. Memandangkan kerajaan pusat telah meluluskan pembelian vaksin di peringkat negeri, kita boleh mencapai Pelan Pemulihan Negara yang mampan dan adil dengan berkongsi data dan mencapai integrasi dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Kami berharap untuk menamatkan pandemik ini dengan tersusun dan terancang. Maka, penetapan KPI yang tepat, keputusan yang diterajui oleh data, dan perkongsian data amat penting bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan Negara.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Malaysian Health Coalition

Senarai Persatuan dan Individu di myhealthcoalition.org.

20 Jun 2021